

**[FANA 'IN THE SUFI DISCOURSE OF THE ARCHIPELAGO: AN OVERVIEW OF
THE SUFI THOUGHT OF SHEIKH DAUD AL-FATANI]**

**FANA' DALAM WACANA SUFI NUSANTARA: TINJAUAN TERHADAP
PEMIKIRAN SUFI SHEIKH DAUD AL-FATANI**

NUR SYAZANA ADAM¹
SYED HADZRULLATHFI SYED OMAR^{1*}

¹ Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam Islam Universiti Sultan
Zainal Abidin.

*Corresponding author: sylutfi@unisza.edu.my

Received Date: 7 January 2018 • Accepted Date: 28 April 2018

Abstract

Fana'' is term for annihilation of the self-appreciation, a concept highlighted in Sufism represents the vanishing of the human wicked attributes that is embellished by various demands of evil desires. On the other hands, Fanā'' is also refers to the only concentration of the memory in appreciation of the perfection and the glory of Allah SWT. This is because fana' is a high level stage of consciousness and a precise focus attentions only on Allah SWT to the stage that other things to be blunt as if lost from seeker''s memory. Nevertheless, in the discourse of Islamic thoughts, many misunderstandings and misappropriation are correlated to the concept of fana'' that occurs in Sufis path. Therefore, this article efforts to high spot the concept of fana'' conferring to Sheikh Daud al-Fatani (d.1847) through his work to scrutinize the extent to which the concept of fana'' posed by him in line with other well-known Nusantara Sufi figures. This study uses the content analysis method by referring to the work of Sheikh Daud al-Fatani sufi entitled "al-Manhal al-Şāfi fī Bayan al-Ramz al-Sufi". The study found that the term of fana' presented by Sheikh Daud al-Fatani was in line with the meaning of fana' which was emphasized by the previous Nusantara Sufi figures such as Sayyid Abdul Rahman (d.1917), Sheikh Abdul Samad al- Falimbani (d.1788) and other ancient Sufis figures. However, the use of the term is somewhat different in explaining the fana's meaning since Sheikh Daud al-Fatani in his work emphases more on the aspect of the existence stage which he labeled as the seventh stages (Martabat Tujuh). The study concludes that the concept of fana' posed by the figure was an essential bridge in understanding the concept of fanā' adopted by the practitioners of Sufis path among society nowadays.

Keywords: *Fana''*, *Syeikh Daud al-Fatani*, *Nusantara Sufi*, *Martabat Tujuh*, *al-Manhal al-Şāfi fī Bayan al-Ramz al-Şūfi*.

Abstrak

Fana^{''} menurut disiplin Ilmu Tasawuf ialah lenyap sifat manusiawi yang terbelenggu dengan pelbagai tuntutan syahwat dan hawa nafsu, hal keadaan tumpuan ingatan hati hanya tenggelam dalam menghayati sifat kesempurnaan dan keagungan Allah SWT. Hal demikian adalah kerana fana^{''} merupakan kesedaran aras tinggi dan tumpuan ingatan yang jitu yang hanya terumpu kepada Allah SWT hingga ingatan dan perasaan terhadap perkara lain menjadi tumpul seolah-olah lenyap daripada ingatan. Walaupun begitu, dalam wacana pemikiran akidah, banyak ditimbulkan isu-isu yang berkait dengan kesilapfahaman dan penyelewengan terhadap institusi tarekat khususnya yang berkait dengan konsep fana^{''}. Oleh yang demikian, artikel ini cuba mengetengahkan konsep fana^{''} menurut Sheikh Daud al-Fatani (w. 1847M) menerusi karya beliau untuk meneliti sejauh mana konsep fana yang telah dikemukakan oleh beliau selaras dengan tokoh sufi Nusantara yang lain dan tokoh- tokoh sufi silam lain yang muktabar. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dengan merujuk karya sufi Sheikh Daud al-Fatani yang berjudul “al-Manhal al-Safi fi Bayan al-Ramz al-Sufi”. Kajian mendapati bahawa istilah fana^{''} yang dikemukakan oleh Sheikh Daud al-Fatani selaras dengan makna fana^{''} yang telah diketengahkan oleh tokoh sufi Nusantara seperti Sayyid Abdul Rahman (w. 1917M), Sheikh Abdul Samad al-Falimbani (w. 1788M) dan tokoh sufi silam yang muktabar. Walau bagaimanapun, penggunaan istilahnya agak berbeza dalam memberi penjelasan tentang pengertian fana^{''}. Di samping itu, Sheikh Daud al-Fatani dalam karya beliau lebih banyak menumpukan perbincangan terhadap aspek peringkat kewujudan yang diistilahkan oleh beliau sebagai martabat tujuh. Kajian menyimpulkan bahawa konsep fana^{''} yang dikemukakan beliau merupakan suatu jambatan asas yang penting dalam memahami konsep fana^{''} yang digunapakai oleh pengamal tarekat kesufian dalam kalangan masyarakat kini.

Kata kunci Fana^{''}, Syeikh Daud al-Fatani, Sufi Nusantara, Martabat Tujuh, al-Manhal al-Safi Bayan al-Ramz al-Sufi.

Cite as: Nur Syazana Adam & Syed Hadzrullathfi Syed Omar. 2018. Fana' dalam Wacana Sufi Nusantara: Tinjauan terhadap Pemikiran Sufi Sheikh Daud al-Fatani. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 16(1): 22-32.

PENDAHULUAN

Konsep fana^{''} merupakan salah satu konsep yang terdapat dalam disiplin ilmu tasawuf. Galakan melalui proses ini bukan suatu perkara asing pada kaca mata tokoh sufi Nusantara seperti Sheikh Daud al-Fatani. Hal ini kerana, konsep fana^{''} dianggap sebagai suatu aspek penting untuk mencapai kesempurnaan ma^{''}rifah Allah. (Ibnu Idris, 1999). Meneliti kajian literatur, kebanyakannya menumpukan kajian terhadap pandangan dan pendapat tokoh-tokoh tertentu tentang konsep fana^{''} di samping mengetengahkan perbincangan sekitar penyelewengan amalan kesufian yang berkait dengan fana^{''} (Rizhan, 2013). Meneliti pelbagai definisi fana^{''} yang telah dikemukakan oleh tokoh- tokoh sufi, (Yusof, 1984), melihat istilah fana^{''} boleh dirumuskan sebagai suatu kesedaran ingatan yang tinggi dan kuat yang hanya tertumpu kepada Allah SWT hingga ingatan terhadap selainNya menjadi tumpul, seolah-olah tiada dalam ingatan. Dengan kata lain, hilang kesedaran ingatan terhadap makhluk kerana seluruh tumpuan hanya kepada Allah SWT (Ibrahim, 1999, Mujamil, 2014). Berdasarkan karya Sairus Salikin (Perjalanan Orang yang Sālik kepada Allah) yang telah dihasilkan oleh Sheikh Abdul Samad al-Falimbani

(2003; w. 1788M) mempunyai pandangan yang sama dengan al-Ghazali (w. 505H). Menurut tokoh-tokoh ini, apa yang dikatakan fana^{''} ialah fana^{''} fi tauhid. Ini kerana apabila sudah mencapai maqam fana^{''}, seseorang sufi akan tenggelam bersama cinta kepada Allah SWT (M. Chatib, 1986). Telah menjadi suatu kebiasaan dalam disiplin tasawuf, konsep fana^{''} sentiasa dihubungkan dengan istilah baqa^{''}. Menurut al-Qushayri (w. 465H), fana^{''} ialah hilang sifat-sifat tercela (negatif) manakala perkataan baqa^{''} pula bermaksud muncul sifat-sifat terpuji (positif) dalam diri seorang sufi (al-Qushayri, 1989; M. Chatib, 1986). Manakala menurut al-Kalabazi (w. 380H) dari sudut pengaplikasian, baqa^{''} sentiasa mengiringi fana^{''}. Hal ini kerana apabila berada dalam keadaan fana^{''}, setiap perbuatan sufi diatur dan berada dalam pemeliharaan oleh Allah SWT. (al-Kalabazi, 1994). Dalam hal ini, al-Junayd (w. 279H), menyifatkan orang yang sudah mencapai maqam fana^{''} tidak akan dikembalikan kepada sifat mazmumah yang asal. Ini disebabkan oleh tumpuan kesedaran ingatan kepada Allah menjadikan pelbagai sifat tercela terhakis dari hati seorang sufi. Manakala maksud maqam baqa^{''} yang mengiringi fana^{''} ialah keadaan sufi yang berada dalam keredaan Allah SWT dan setiap perbuatan sufi bukan lagi untuk kepentingan dirinya semata-mata malah mengutamakan Allah SWT dalam setiap tingkah dan perbuatannya (al-Qushayri, 1989; M. Chatib, 1986).

Kajian analisis kandungan ini akan mengupas pandangan seorang tokoh sufi Nusantara pada abad ke-19H iaitu Sheikh Daud Abdullah al-Fatani berkait dengan konsep fana^{''} dalam disiplin ilmu tasawuf. Beliau dilihat sebagai salah seorang tokoh sufi yang mengetengahkan konsep fana^{''} dalam pemikiran sufi Nusantara. Malah pemikiran kesufian beliau khususnya dalam konteks fana^{''} lebih dipengaruhi oleh pemikiran al-Ghazali. Manakala aliran tasawuf falsafahnya dipengaruhi oleh Hamzah al-Fansuri (w. awal abad ke-17M) dan Shamsuddin al-Sumatrani (w. 1630M). Analisis kandungan terhadap kitab al-Manhal al-Safi fi Bayan al-Ramz al-Sufi yang dikenalpasti diketahui tarikh cetakannya pada 12 Muharam 1307H (Mohd Zain, 2004) telah digunakan untuk meneliti konsep fana^{''} yang difahami oleh beliau. Justeru, kajian ini akan menilai sama ada konsep fana^{''} pada kefahaman beliau bertepatan dengan konsep fanā^{''} yang difahami oleh tokoh-tokoh sufi Nusantara lainnya dan tokoh sufi silam muktabar.

BIODATA RINGKAS DHEIKH DAUD AL-FATANI

Sebagai pengenalan ringkas tentang tokoh kajian, beliau ialah al-,Alim allamah al-,Arif al-Rabani Sheikh Wan Daud bin Wan Abdullah bin Sheikh Wan Idris (Wan Senik) al-Fatani . Ibunya Wan Fatimah binti Wan Salamah bin Tok Banda Wan Su bin Tok Kaya Rakna Diraja bin Andi (faqih) Ali Datok Maharajalela bin Mustafa Datu Jambu (Sultan Abdul Hamid Syah) bin Sultan Muzaffar Waliullah bin Sultan Abu Abdullah Umdatuddin. Ayah beliau iaitu Sheikh Wan Abdullah dan datuknya Sheikh Wan Idris merupakan ulama besar pada masa itu. Beliau dilahirkan di Kampung Parit Marhum, Kerisek, Patani dan dikatakan lahir pada antara tahun 1133H, 1153H dan 1183H serta meninggal dunia pada tahun 1847M/ 1265H di Taif, Arab Saudi (Saref Masae dan Ahmad Faisal, 2014). Sejak kecil, beliau menerima didikan agama Islam iaitu dengan mempelajari ilmu tauhid, nahu, soraf dalam bentuk hafalan daripada ahli keluarga beliau sendiri. Selepas itu, beliau menerima pendidikan di Patani selama lima tahun, kemudian ke Aceh selama dua tahun dan berguru dengan Sheikh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin al-Asyi (Wan Mohd Saghir, 1990). Kesungguhan serta ketekunan beliau belajar di Mekah selama 30 tahun dan lima tahun di Madinah, beliau digelar al-,Alim Allamah al-,Arif al-

Rabbani. Beliau merupakan tokoh ilmuwan Nusantara yang pakar dalam bidang fiqah, usuluddin, tauhid, hadis dan politik.

Manakala dalam bidang tasawuf, ketokohan beliau tidak dapat disangkal lagi kerana beliau merupakan tokoh besar dalam Tarekat Syattariyyah. Antara guru beliau ialah ayah dan datuk beliau sendiri, Syeikh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin al-Asyi, Syeikh Muhammad Saleh bin Abdul Rahman al-Fatani dan ramai lagi. Kebanyakan pelajar beliau pula merupakan tokoh ulama Nusantara yang berpengaruh antaranya Sheikh Abdul Halim Kelantan, Sheikh Wan Hasan bin Ishaq al-Fatani, Sheikh Ali bin Ishaq al-Fatani, Sheikh Wan Muhammad Zain, Sheikh Abdul Samad bin Haji Abdullah, Sheikh Wan Ali bin Abdul Rahman Kutan al-Kelantani, Sheikh Abdul Malik bin Isa dan ramai lagi. Beliau juga terkenal sebagai seorang ulama yang bersikap produktif di Nusantara kerana telah banyak menghasilkan karya-karya ilmiah. Antaranya ialah al- Manhal al-Safi fi Bayan al-Ramz al-Sufi, Bughyah al-Tullab, al-Sayd wa al-Dhaba^{ih}, al-Bahjah al- Saniyyah, Munyah al-Musalli, Furu^{al} al-Masa^{il} dan Hidayah al-Muta^{allim} wa „Umdah al-Mu^{allim}. Kitab-kitab ini disalin dan diterbitkan dari masa ke semasa hingga ke hari ini (Wan Mohd Saghir, 1991).

1. Konsep Fana' dalam al-Quran

Konsep fana^{al} merupakan suatu konsep yang telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-Quran. Hal ini sebagaimana kisah Nabi Musa a.s. yang pingsan akibat tidak berdaya menanggung pancaran (tajalli) keagungan Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَلَمَّا جَاءَ مُوسَىٰ لِمِيقَاتِنَا وَكَلَّمَهُ رَبُّهُ قَالَ رَبِّ أَرِنِي أَنْظُرْ إِلَيْكَ قَالَ لَنْ نَرْنِي وَلَكِنْ أَنْظُرْ إِلَى الْجَبَلِ فَإِنِ اسْتَقَرَّ مَكَانَهُ فَسَوْفَ تَرَانِي فَلَمَّا تَجَلَّىٰ رَبُّهُ لِلْجَبَلِ جَعَلَهُ دَكًّا وَخَرَّ مُوسَىٰ صَعِقًا فَلَمَّا أَفَاقَ قَالَ سُبْحَانَكَ تُبْتُ إِلَيْكَ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُؤْمِنِينَ ١٤٣

Ketika mana Allah SWT tajalla (menzahirkan kebesaranNya) kepada gunung itu, (maka) „tajalliNya^{al} menjadikan gunung itu hancur lebur dan Nabi Musa pun jatuh pingsan. Setelah sedar, baginda a.s. berkata: “Maha Suci Engkau (wahai Tuhanku), aku bertaubat kepadaMu dan akulah orang yang awal pertama beriman (pada zamanku).” (al-A^{raf}: 7: 143).

Menurut al-Kalabazi (1994), fana^{al} merupakan suatu keadaan di mana fikiran menjadi kosong dari setiap lintasan ingatan selain dari Allah SWT. Hal ini telah dinyatakan dalam ayat di atas bahawa apabila Allah SWT menampakkan (tajalli) sifat keagungan dan kebesaranNya kepada gunung, gunung tersebut pecah berkecai dan Nabi Musa a.s. pingsan.

Firman Allah SWT:

فَلَمَّا سَمِعَتْ بِمَكْرِهِنَّ أَرْسَلَتْ إِلَيْهِنَّ وَأَعْتَدَتْ لَهُنَّ مُتَّكَ ١٤٤ وَءَاتَتْ كُلَّ وَاحِدَةٍ مِّنْهُنَّ سِكِّينًا وَقَالَتِ اخْرُجْ عَلَيْهِنَّ

فَلَمَّا رَأَيْنَهُ أَكْبَرْنَهُ وَقَطَّعْنَ أَيْدِيَهُنَّ وَقُلْنَ حَاشَ لِلَّهِ مَا هَذَا بَشَرًا إِنْ هَذَا إِلَّا مَلَكٌ كَرِيمٌ ٣١

Maka apabila ia (Zulaikha) mendengar cacian mereka, dia pun menjemput mereka dan menyediakan satu jamuan untuk mereka, serta memberi kepada - tiap seorang di antara mereka sebilah pisau. Dan pada ketika itu berkatalah ia (kepada Yusuf): “Keluarlah di hadapan mereka”. Maka ketika mereka melihatnya, mereka tercengang melihat keelokan rupanya, dan mereka dengan tidak sedar melukakan tangan mereka sambil berkata: “Jauhnya Allah dari kekurangan! Ini bukanlah seorang manusia, ini tidak lain melainkan malaikat yang mulia!”. (Yusuf: 12: 31).

Berdasarkan surah Yusuf, ayat ke-31, al-Kalabazi (1994), telah menjelaskan bahawa terdapat dua keadaan yang merujuk kepada hal fana”. Pertama, tindakan memotong jari yang berada di luar kawalan akal fikiran dan kedua, tidak merasa sakit kesan dari luka yang dilakukan secara tidak sengaja. Kedua-dua keadaan ini merupakan keadaan yang berada di luar kesedaran kawalan fikiran dan pancaindera (al-Kalabazi, 1994; Ibrahim, 1999). Berpanduan dalil-dalil naqli di atas, dapat disimpulkan bahawa konsep fana” sudah tercatat di dalam al-Quran dan ianya kemudian dibincangkan dalam karya-karya tasawuf tokoh-tokoh sufi muktabar.

2. Fana’ dari Perspektif Tokoh Sufi Silam Muktabar

Merujuk kepada pelbagai karya tasawuf, didapati bahawa ramai dalam kalangan tokoh-tokoh sufi yang membincangkan tentang istilah konsep ini (al-Qushayri, 1989, al-Kalabazi, 1994; Ibrahim, 1999). Dalam menjelaskan definisi istilah fana”, al-Ghazali berpendapat fana” merupakan maqam (tingkatan) terakhir yang dilalui oleh sufi dalam perjalanan mencapai ma’rifah Allah. Kesempurnaan konsep ini hanya dapat dicapai apabila seseorang sufi fana” terhadap diri sendiri dan keadaan sekelilingnya hingga setiap sesuatu yang didengarinya hanyalah Allah SWT, dengan Allah (bi Allah), pada Allah (fi Allah) dan dari Allah (min Allah) (al-Ghazali, 1988; 'Atif al-Zain, 1985).

Dalam hal ini, al-Qushayri turut menjelaskan bahawa fana” ialah hilang sifat mazmumah yang ada dalam diri sufi dan digantikan dengan sifat-sifat mahmudah (al-Qushayri, 1989). Dalam hal ini, beliau telah membahagikan konsep fana” kepada tiga bahagian. Pertama, keadaan sufi yang fana” dari sifat-sifat tercela dan diganti dengan sifat-sifat terpuji. Kedua, fana” kesedaran ingatan sufi terhadap diri sendiri dan diganti dengan tumpuan ingatan yang tinggi kepada Allah SWT. Ketiga, fana” dari perbuatan, akhlak, keadaan sekeliling hingga apa yang berlaku di sekitarnya tiada dalam tumpuan ingatan (al-Qushayri, 1989).

Manakala menurut al-Kalabazi (1994), pengalaman fana” akan diiringi oleh baqa”. Setiap perbuatan orang yang berada dalam keadaan fana” diatur dan dikuasai oleh Allah SWT. Hal ini kerana, ketika berada dalam keadaan tersebut, sufi tidak dapat membezakan setiap perbuatan dan tindakan mereka disebabkan oleh seluruh tumpuan ingatan serta kesedaran hatinya yang tinggi yang hanya tertumpu kepada Allah SWT hingga keadaan sekeliling tiada dalam ingatannya (M. Chatib, 1986).

Di samping itu, menurut al-Junayd (w.298) dalam Michael A. Sells (2003), doktrin fana” boleh dikaitkan dengan istilah tajrid (penyingkiran segala sesuatu yang lain hingga apa

yang nampak pada pandangan mata hati ialah Allah SWT). Apabila telah tersingkap pandangan mata hati maka apa yang terlihat hanya kekuasaan, keagungan dan kewujudan tanda-tanda kesempurnaan Allah SWT. Keadaan ini menyebabkan orang yang melaluinya akan merasakan bahawa dia seolah-olah baru dilahirkan. Walau bagaimanapun, hijab ini hanya akan tersingkap melalui al-mujahadah (Michael, 2003).

Ibn al-A‘rabi (w. 341H) dalam karya Abdul Majid Khatib (2011), telah menjelaskan bahawa perbuatan sufi adalah perbuatan Allah SWT dan perbuatan tersebut digambarkan seumpama cermin. Contohnya di dalam al-Quran, surah al-Baqarah, ayat ke-260, Allah SWT meminta Nabi Ibrahim AS memotong burung kepada empat bahagian dan meletakkannya di atas bukit yang berbeza. Apabila baginda memanggilnya, burung tersebut datang kepadanya. Jika dilihat dari mata kasar, akan nampak bahawa perbuatan tersebut telah dilakukan oleh Nabi Ibrahim AS. Namun hakikat disebalik kejadian tersebut adalah perbuatan milik Allah SWT. Dalam situasi ini, dapat difahami bahawa setiap perbuatan yang terhasil dari makhluk akan fana‘‘ dari pandangan sufi kerana dia berada dalam keadaan baqa‘‘ dalam ingatan bahawa setiap yang berlaku adalah perbuatan Allah SWT.

Selain itu, menurut tokoh sufi abad ke-20M, Badiuzzaman Said al-Nursi (w. 1960M) ialah hilang kesedaran ingatan terhadap keadaan sekeliling. Konsep fana‘‘ pada pandangan beliau bukan hanya tertumpu terhadap Allah SWT. semata-mata malah lebih bersifat komprehensif, sebagaimana yang telah dinukilkan oleh Jamal al-Din al-Afghani (tokoh sufi abad ke-19): ‘‘fana‘‘ pada ciptaan Allah SWT ialah dengan mempelajari, meneliti jalan-jalan kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat’’ (Abd al-Razzaq 2013). Selain itu, menurut Abū Yazid, bagi mencapai ma‘rifah Allah SWT, seorang sufi mesti melenyapkan (fana‘‘) sifat yang menjadi kebiasaan manusia dan menghadirkan (baqa‘‘) rasa ingat kepada Allah S.W.T. (Nasution, 1974).

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa konsep fanā‘‘merangkumi beberapa elemen. Antaranya ialah kesedaran ingatan yang tinggi hanya tertumpu kepada Allah SWT, hilang sifat mazmumah yang ada dalam diri dan diganti dengan sifat mahmudah dan tumpul perhatian ingatan terhadap perbuatan hamba kerana kuat kesedaran ingatan terhadap tadbir perbuatan Allah SWT.

3. Fana’ dari Perspektif Tokoh Sufi Nusantara

Di Nusantara, kemunculan aliran tarekat telah dibawa masuk oleh para pedagang khususnya dari Timur Tengah (Hamka, 1981). Antara tokoh sufi terawal yang dikatakan banyak mempengaruhi corak dalam perkembangan tarekat di Nusantara ialah al-Ghazali (w. 505H). Hal ini kerana, dalam banyak keadaan tokoh-tokoh sufi Nusantara, antaranya Sheikh Abdul Samad al-Falimbani (Suhaila & Mohd Sukki, 2011), Sheikh Muhammad Nafis (Mohd Fauzi & Mohd Hasrul, 2011), Muhammad Arsyad al-Banjari (Maimunah, 2008), Tuan Tabal (Abu al-Baqir, 2014) dan Tok Ku Paloh (Ahmad Zamani, 2013) mempunyai pandangan yang sama dengan beliau khususnya dalam isu memberi penjelasan terhadap konsep fana‘‘.

Menurut Sayyid Abdul Rahman (Tok Ku Paloh) menerusi karyanya Ma‘arij al-Lahfan (t.t.), telah menyatakan bahawa maqam fana‘‘ hanya dapat dicapai apabila hati telah berjaya dibersihkan dari semua sifat mazmumah dan diganti dengan sifat mahmudah (Sayyid Abdul Rahman, t.t.; Razi Yaakob, 2014). Hanya dengan cara ini sufi mampu untuk mencapai tauhid

hakiki. Maksud tauhid hakiki dalam konteks perbincangan ini merujuk kepada konsep fana² dalam disiplin ilmu tasawuf (Ahmad Zamani, 2013).

Di samping itu, Sheikh Abdul Samad al-Falimbani (2003) dalam Sairus Salikin, berpendapat bahawa dalam tarekat sufi, konsep fana² dapat dibahagikan kepada dua maqam. Pertama, maqam orang yang mencapai maqam nafs al-mulhamah iaitu keadaan hati orang yang telah melalui pengalaman hilang kesedaran ingatan dan penglihatan terhadap semua yang ada disekelilingnya. Hal ini kerana seluruh tumpuan hanya terfokus terhadap perbuatan Allah (M. Chatib, 1986; Abdul Samad al-Falimbani, 2003).

Kedua, maqam nafs al-mutma²innah atau dikenali juga dengan maqam ta²ayyun dan maqam wadah (keadaan hati orang yang telah fana² terhadap semua dhat-dhat dan sifat-sifat keagungan Allah SWT). Walau bagaimanapun, pengertian fana² pada maqam ini merujuk kepada tumpuan kesedaran hati sufi terhadap ilmu, sifat-sifat Allah SWT Yang Maha Kekal. Menurut al-Falimbani lagi, pada maqam ini, semua jisim yang mempunyai sifat-sifat tertentu yang ada di dunia ini tidak lagi dilihat sebagai hak milik jisim-jisim tersebut yang menyandangnya. Ini kerana, pada pandangan sufi sifat-sifat ini adalah milik Allah SWT dan Dia yang menyandangnya (M. Chatib, 1996; Abdul Samad al-Falimbani, 2003).

Berdasarkan pandangan tokoh-tokoh sufi Nusantara di atas, didapati bahawa konsep fana² merupakan suatu pengalaman kerohanian yang menumpukan sepenuhnya kesedaran ingatan terhadap Allah SWT semata-mata yang meliputi dhat, sifat dan af²alNya. Namun, setelah sufi sedar dari pengalaman fana², tahap kesedarannya tidak sama seperti sebelum mengalami fana² kerana sifat yang menjadi kebiasaan bagi manusia biasa (bergelumang dengan nafsu dan syahwat) telah sirna dari hati sanubarinya. Keadaan ini dikenali dengan maqam baqa² dalam kalangan tokoh-tokoh sufi.

4. Konsep Fana' Menerusi Karya Sheikh Daud: al-Manhal al-Safi fi Bayan al-Ramz al-Sufi

Kebelakangan ini timbul pandangan negatif terhadap konsep martabah tujuh kerana sering dikaitkan dengan menyeleweng dan sesat disebabkan oleh kefahaman literal yang tersasar dari maksud sebenar pengarang. Namun hakikatnya konsep ini telah lama wujud dalam pemikiran tokoh-tokoh sufi Nusantara iaitu sekitar abad ke-17M dan 18M lagi. Antara tokoh sufi Nusantara yang mendokong konsep ini ialah Hamzah al-Fansuri (abad ke-17M) (Naquib al-Attas, 1970), Shams al-Din al-Sumatrani (abad ke-17M) (E. J. Brill, 1945), Nur al-Din al-Raniri (abad ke-17M) (Naquib al-Attas, 1986; Tudjimah, 1960; Zainiy, 1997), „Abd al-Rauf al-Singkili (abad ke-17M), Yusuf al-Makasari (abad ke-17), „Abd al-Samad al-Falimbani (abad ke-17) dan Muhammad Nafis al-Banjari (abad ke-17) (Mohd. Zain, 2000). Secara umumnya, martabat tujuh didefinisikan sebagai suatu keadaan di mana Allah S.W.T. menzahirkan kedudukan kesempurnaan diriNya melalui penciptaan manusia dan alam semesta melalui tujuh tingkatan (Rizka, 2008).

Sementara itu, dalam kitab “al-Manhal al-Safi fi Bayan al-Ramz al-Sufi”, Sheikh Daud membincangkan isu ini secara terperinci. Menurut Mohd Zain (2004) di dalam kajian beliau, konsep martabat tujuh dari kaca mata Sheikh Daud bermaksud setiap makhluk yang wujud dalam alam ini lahir dari hakikat Allah SWT Yang Maha Esa yang tidak dapat digambarkan oleh akal fikiran,

pancaindera dan khayalan manusia. Konsep ini telah dipraktikkan oleh tokoh sufi Nusantara dalam menjelaskan isu yang berkait dengan kewujudan Allah SWT secara mutlak (wujud mutlaq) melalui tujuh peringkat iaitu ahadiyyah (keadaan dhat Allah SWT Yang Maha Esa), wahdah (keadaan sifat yang memiliki keesaan), wāhidiyyah (keadaan nama-nama Allah yang meliputi hakikat realiti keesaanNya), „alam arwah (hakikat keadaan roh manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan), „alam mithal (pemisah antara alam arwah dan jisim), „alam ajsam (alam jisim atau benda) dan „alam insan (alam manusia) (Sangidu, 2002).

Walau bagaimanapun secara dasarnya, Allah SWT merupakan pencipta setiap makhluk dan tanpaNya tidak ada kewujudan di langit dan bumi. Tujuan ulama sufi Nusantara mengetengahkan konsep ini adalah untuk membawa masyarakat di Nusantara mengesakan Allah SWT (tauhid Allah) dan alam semesta (Mohd Zaidi, 2008). Melalui konsep yang diketengahkan oleh tokoh-tokoh sufi silam ini, masyarakat dapat memahami dan mengetahui bahawa kewujudan Allah SWT secara mutlak bermaksud keterbatasan Allah S.W.T. terhadap sesuatu tidak mempunyai had, sempadan, suara, bentuk, huruf, jirim dan jisim.

Martabat tujuh yang dikenali juga dengan istilah tajalli yang bermaksud tersingkap rahsia keagungan Allah SWT kepada manusia (Sangidu, 2002). Keadaan ini berlaku apabila seseorang sufi mengalami keadaan fana“ dengan memfokuskan seluruh tumpuan ingatan dan kesedaran hanya kepada Allah SWT hingga kesedaran kepada keadaan sekeliling menjadi tumpul. Hal ini kerana, pada peringkat ahadiyyah, sufi akan mensucikan dirinya dari perkara-perkara yang menghalangnya untuk menghampirkan diri kepada Allah S.W.T. (Ahwan Fanani, 2002).

Dalam hal ini al-Kalabazi (1994) telah menjelaskan bahawa konsep tajalli dapat dicapai dengan memerhati keadaan alam ini diciptakan sebagai suatu cerminan atau jambatan bagi makhluk. Walau bagaimanapun, semuanya bukan bergantung atas daya dan usaha manusia semata tetapi dengan anugerah dari Allah SWT dengan keagungan dan kekuasaan ciptaanNya. „Alam dalam konteks tajalli mempunyai empat tingkatan iaitu „Alam Ilahi (zat Allah SWT yang mutlak), „Alam Jabarut (alam roh), „Alam Malakut (alam malaikat), „Alam Nasut (alam makhluk) (Ade Fakhri, 2013).

Selain itu, dalam karya ini juga, Sheikh Daud telah menjelaskan perkataan wusul ila Allah yang bermaksud sufi yang sampai kepada Allah SWT dengan erti kata sampai dalam mengenal hakikat Allah SWT (ma“rifah Allah). Dalam hal ini, akan timbul perasaan pengakuan bahawa tidak ada yang mempunyai sifat keagungan dan kewujudan selain dari Allah SWT. Perkataan ini juga mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan konsep muraqabah iaitu dengan mengekalkan pengetahuan bahawa Allah SWT melihat setiap kelakuan hambanya. Kesannya timbul keadaan sufi yang memfana“kan perbuatan, sifat dan dhatnya kerana memberi seluruh tumpuan ingatannya hanya kepada Allah SWT semata-mata (al-Qusyairi, 1989).

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa konsep martabat tujuh menurut Sheikh Daud al-Fatani mempunyai perkaitan yang rapat dengan konsep tajalli dan fana“ yang telah diketengahkan oleh tokoh-tokoh sufi Nusantara. Kesemua konsep ini saling berkait kerana pada tingkatan ahadiyyah, sufi mensucikan hatinya dari semua sifat-sifat tercela dan kekosongan dari sifat-sifat tersebut diganti dengan sifat-sifat terpuji. Ini merupakan salah satu dari elemen fana“. mempunyai pengertian yang sama walaupun penggunaan istilah yang berbeza. Kedua-dua konsep ini bertujuan untuk mencapai ma“rifah Allah SWT.

KESIMPULAN

Aliran tasawuf telah masuk ke Nusantara sejak abad ke-17M dan 18M. Antara tokoh sufi Nusantara yang terkenal pada abad ke-19M dan 20M ialah Sheikh Daud, Sayyid Abd Rahman dan Sheikh Abdul Samad al-Falimbani dan ramai lagi. Konsep fana² yang merupakan salah satu dalam disiplin ilmu tasawuf telah lama dikembangkan oleh tokoh-tokoh terdahulu iaitu sekitar abad ke-3H. Konsep ini secara umumnya bermaksud seluruh tumpuan kesedaran ingatan hanya tertumpu kepada Allah SWT. hingga tumpuan terhadap keadaan sekeliling menjadi tumpul seolah-olah tiada dalam ingatan seseorang sufi dan seiring berlaku dengan baqa² bi Allah. Tokoh sufi Nusantara mahupun tokoh sufi silam yang muktabar mempunyai pemahaman yang sama dalam menghuraikan maksud fana², namun begitu, al-Qushayri dan Abdul Samad al-Falimbani sedikit berbeza dengan tokoh-tokoh lain kerana mereka membahagikan konsep tersebut kepada tiga bahagian. Dalam konteks perkembangan tasawuf di Nusantara, terdapat ramai ulama yang mengetengahkan perbincangan konsep fana² dalam karya-karya mereka. Walaupun begitu, sebahagian tokoh sufi Nusantara menggunakan istilah-istilah yang berbeza tetapi pengertiannya merujuk kepada maksud fana². Contohnya di dalam kitab al-Manhal al-Safi fi Bayan al-Ramz al-Sufi karya Sheikh Daud telah mengupas tentang aspek martabat tujuh iaitu setiap makhluk yang wujud dalam alam ini lahir dari hakikat Allah SWT yang tunggal yang tidak dapat digambarkan oleh akal, pancaindera dan khayalan. Apabila seseorang berjaya memahami konsep ini, dia akan dapat mencapai ma²rifah Allah SWT.

Sekiranya diteliti, konsep martabat tujuh menurut Sheikh Daud al-Fatani merujuk kepada konsep fana² yang telah dikembangkan oleh tokoh-tokoh sufi sebelumnya. Di samping itu, tokoh-tokoh sufi khususnya di Nusantara juga kadangkala menggunakan istilah yang berbeza namun tetap merujuk kepada konsep fana². Sebagai contoh, Sheikh Abdul Samad al-Falimbani telah menggunakan istilah wahdah al-wujud. Manakala Sheikh Muhammad Nafis al-Banjari dan Tok Ku Paloh telah menggunakan istilah tauhid hakiki yang juga turut merujuk kepada konsep fana².

RUJUKAN

- 'Abd al-Razzaq al-Ghauri. (2013). Badi, al-Zaman Said al-Nursi Wa al-Tasawuf. al-Nur Li al-Dirasat al-Hadhariyyah Wa al-Fikriyyah, Januari(7): 137-146.
- Abdul Majid Khatib. (2011). Bicara Sufi. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Abdul Samad al-Falimbani (2003). Sairus Salikin: Perjalanan Orang yang Salik Kepada Allah. (Terj. Ahmad Fahmi Zamzam). Pokok Sena: Khazanah Banjariah.
- Abu al-Baqir al-Kelantani. (2014). Jalal al-Qulub bi Dhikr Allah & Munabbih al-Ghafilin. Kota Bharu: al-Baqir Enterprise.
- Abu Bakar Muhammad bin Ishaq al-Bukhari al-Kalabazi. (1994). Kitab al-Ta²rifi li Mazhab Ahl al-Tasawwuf. al-Kaherah: Maktabah al-Khanuji.
- Abu al-Qasim al-Qushayri. (1989). al-Risalah al-Qushayriyyah. Kaherah: Dar al-Sya²,bu.
- Ade Fakhri Kurniawan. (2013). Konsep Tajalli 'Abd Allah Ibn 'Abd al-Qahhar al-Bantani dan Posisinya dalam Diskursus Wujudiyah di Nusantara. Uloomuna Jurnal Studi Keislaman, 17(2): 275- 302.
- Ahmad Zamani bin Nawi. (2013). Pemikiran Tawhid Tok Ku Paloh dalam Kitab Ma'arij al-

- Lahfan.
Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Ahwan Fanani. (2002). Ajaran Tarekat Syattariyyah dalam Naskah Risalah Shattariyyah Gresek.
Jurnal Walisongo, 20(2): 347-369.
- 'Atif al-Zain. (1985). al-Tasawuf fi Nadhar al-Islam. Lubnan: Dar al-Kitab.
- E.J. Brill. (1945). Jauhar al-Haqa'iq: C.A.O. van Nieuwenhuijze, Samsu'l-Din van Pasai. Leiden. al-Ghazali. (1988). Ihya' Ulum al-Din. Kaherah: Syari,, al-Jala,,.
- Hamka. (1981). Tasawuf Perkembangan dan Pemurniannya. Jakarta: Yayasan Nurul Iman.
- Ibnu Idris al-Qari. (1999). The Secret of Sufi: Rahsia Alam Sufi. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise. Ibrahim Ibrahim Muhammad Yasin. (1999). Hal al-Fana' Fi al-Tasawuf al-Islami. Masurah: Dar al-
- Ma,,arif.
- M. Chatib Quzwain. (1986). Mengenal Allah (Suatu Kajian Mengenai Ajaran Tasawuf Syeikh Abdul Samad Al-Palimbangi). Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Maimunah Zarkasyi. (2008). Pemikiran Tasawuf Muhammad Arsyad al-Banjari dan Pengaruhnya di Masyarakat Kalimantan Selatan. Jurnal Islamica, 3(1): 76- 95.
- Michael A. Sells. (2003). Sufisme Klasik. Bandung: Mimbar Pustaka.
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Hasrul Shuhari. (2011). Pengaruh Pemikiran Akidah al-Ghazali dalam Kitab Jawi: Tinjauan Terhadap Kitab al-Durr al-Nafis dan Sayr al-Salikin. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h.291- 299.
- Mohd Zaidi Abdullah. (2008). Kitab Jawi: Aspek Falsafah Sains Yang Terkandung Padanya. Kertas Kerja Bengkel Pengislaman Ilmu Kedua. Shah Alam: Akademi Sains Islam Malaysia, h.1- 20.
- Mohd Zain Abd. Rahman. (2004). Shaykh Dawud al-Fatani and His Manhal al-safi: an Overview.
Jurnal Afkar, (5): 67-108.
- Mujamil Qomar. (2014) Ragam Pengembangan Pemikiran Tasawuf di Indonesia. Jurnal Episteme', 9(2): 249- 284.
- Nasution Harun. (1974). Filsafat Agama. Jakarta: Bulan Bintang.
- Razi Yaakob. Sumbangan Tok Ku Paloh dalam Kegiatan Dakwah dan Pendidikan di Terengganu, Malaysia. Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah, 2(September): 217-224.
- Rizhan el-Rodi. (2013). "Penilaian Dan Persepsi Agensi Hal Ehwal Islam Di Malaysia Terhadap Tarekat Sufi: Antara Cabaran Dan Solusi." al-asyirah as-sufiyyah. Akses pada November 14, 2013. <http://asyirasufiyya.blogspot.com/2013/11/penilaian-dan-persepsi-agensi-hal-ehwal.html> (accessed Ogos 29, 2015).
- Rizka Addini Fathimah Azzahra. (2008). Konsep Martabat Tujuh Dalam Naskah Tasawuf. Indonesia: Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya.
- Sangidu. (2002). Konsep Martabaat Tujuh dalam at-Tuchfatul-Mursalah Karya Shaikh Muhammad Fadhlullahbal-Burhanpuri: Kajian Filologis dan Analisis Resepsi. Jurnal Huamniori, 1(14): 1-11.
- Saref Masae & Ahmad Faisal Abdul Hamid. (2014). Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Sumbangannya dalam Pendidikan Islam di Pattani. Jurnal al-Muqaddimah, 2(2): 102-114.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1970). Asrar al-Arifin, Sharah al-Ashiqin and al-Muntahi. Dlm. Syed Muhammad Naquib al-Attas, The Mysticism of Hamzah Fansuri. Kuala

- Lumpur: University of Malaya Press.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1986). *Hujjat al-Siddiq li-Daf' al-Zindiq* in Syed Muhammad Naquib al-Attas, *A Commentary on the Hujjat al-Siddiq of Nur al-Din al-Raniri*. Kuala Lumpur: Ministry of Culture Malaysia.
- Sayyid Abdul Rahman. (t.t.). *Ma'arij al-Lahfan*. Ttp: t.pt.
- Tudjimah. (1960). *Asrar al-Insan fi Ma'rifat al-ruh wa al-Rahman*. Jakarta: P.T. Penerbitan Universitas.
- Wan Mohd Saghir Abdullah. (1991). *Mengkaji Kandungan Kitab Hidayah al Muta'allim Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani*. Jurnal Dewan Bahasa.
- Wan Mohd Saghir Abdullah. (1990). *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Ulama' Ulung dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*. Shah Alam : Penerbitan Kibzi.
- Yusof Noor. (1984). *Ikhtisar Ilmu Tasawuf*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Zainiy 'Uthman. (1997). *Lata'if al-Asrar li-Ahl Allah al-Atyar*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).